



Kekal mewah

» **Sentuhan kontemporari**
penuhi cita rasa muda

Oleh **Bennie Zie Fuzi**
bennie@bhanan.com.my

Sebut saja Empire Classic Furniture (ECF), terbayang rangkaian perabot eksklusif, klasik, mewah dengan perincian halus lagi teliti.

Pendek kata ia adalah sebuah galeri perabot terkemuka yang menawarkan koleksi import, terutama dari Guangzhou dan Beijing, China selain negara Eropah berdasarkan kepada gaya klasik, persona lagi melangkaui imaginasi.

Namun, khusus untuk pelanggan muda, ECF turut menampilkan rekaan moden yang bukan sekadar menekankan rekaan kurang ukiran serta motif sarat tetapi juga mengutamakan latar warna cerah bagi menggantikan ciri-ciri kontemporari.

Pengarah Eksekutifnya, Christine Choo, berkata ini

boleh dilihat pada set bilik tidur Loretta, yang disediakan bagi memenuhi keperluan serta cita rasa generasi muda yang diperhatikan menerusi reka bentuk kaki katil lurus dengan latar warna cerah dan moden.

Ciri-ciri moden ini juga menolak gaya klasik, kemasi daun emas atau gold leaf yang tidak berkualiti.

Bukan sekadar itu, sofa chesterfield berwarna coklat kemerahan yang diangap pengenaln gaya klasik ini turut mengalami peralihan atau transformasi menerusi pilihan latar putih bersama kristal Swarovski sebagai pengganti hiasan butang pada tempat bersandar.

Cita rasa glamor
Walaupun masih menampilkan bahan kulit asli tetapi sofa ini masih mengekalkan rona putih bersulamkan kerpidan kristal bagi memperlihatn cita rasa glamor Hollywood. Berikutan warnanya, penjagaan perabot ini mungkin



Rekaan klasik, mewah lagi eksklusif menjadi tanda pengenaln perabot ECF

sedikit renyah atau lecch sikit tetapi memang berbaloi kerana dapat menyerenakkan ruang.

Dalam hal ini juga, penggunaan diberi kelengkapan oleh ECF untuk menukar kepala katil berserta kemasannya, merujuk kepada tema hiasan dalaman.

"Setengah pelanggan menginginkn upholstery kepala katil mereka diselaraskan dengan corak langsr

serta kertas dinding. Kami bersedia membantu andai mereka menyertakan sekali fabrik yang ingin dipasang di kepala katil berkenaan," kata Christine.

Ketika ini ECF menawarkan pelbagai rekaan menarik untuk dimiliki, antaranya Old Victorian, Old England, Italy Inlay, Renaissance, Paris Winter, Classic-Rome termasuk siri moden klasik.



“SESETEHANG PELANGGAN MENGIN-GINKAN UPHOLSTERI KEPALA KATIL MEREKA DI-SELARASKAN DENGAN CO-RAK LANGSR SERTA KERTAS DINDING”

Christine Choo,
Pengarah Eksekutif ECF



Koleksi candelier

Tidak terhad kepada perabot, pembeli turut disajikan dengan pelbagai barangan rumah lain seperti koleksi candelier daripada Kristal Czech, cermin dinding berukir, seni halus lukisan minyak, hiasan batuan marmar dan pelbagai lagi aksesori lain.

Sempena Aidilfitri, ECF menyuarakan penghargaan terhadap pelanggan menerusi Jualan Mega Raya yang memperuntukkan potongan harga sehingga 80 peratus bagi barangan tertentu.

Promosi ini sudah bermula 1 Julai lalu hingga menjelang raya. Banyak hadiah menarik menanti pelanggan, bergantung kepada jumlah serta barangan yang dibelanjakan mereka. Misalnya, pelanggan yang berbelanja sehingga RM5,000, berpeluang menerima hadiah set teh bernilai RM899.

Pakej mampu milik: Bagi pelanggan yang masih tercaici-gaya serta konsep perabot baru bagi memeriahkan perayaan, syarikat perabot ini boleh membantu anda dari segi menerima tempahan khas, selain menawarkan pakej pembelian merujuk kepada yang mampu anda sediakan.

"Pelanggan boleh melektakan berapa saja kos yang mampu dan kami akan tampil dengan koleksi perabot serta produk rumah selatinding dengan peruntukan itu.

"Bagi yang inginkn perabot lain daripada lain, boleh buat tempahan sekaranng supaya boleh disiapkan dari diserahkan sebelum sambutan perayaan nanti," katanya.

Sesuai dengan koleksinya yang bertaraf antarabangsa, ECF masih mengekalkan Anita Sarawak sebagai duta produknya. Inej serta produk dihasilkan tetap mengutamakan kehalusan mutu seni, disusuli warta pilihan untuk menepati konsep dekorasi klasik mewah.

Kemasan rona keemasan menjadi kayu pengukur koleksi perabot kami.

"Dipilih bukan saja kerana mampu menantikan lagi gaya rekaan tetapi merujuk kepada potensinya, menjadikn suasana rumah lebih membantu, mewah lagi mengujakan," jelas Christine lagi.



Lampu dan jam logam menepati keperluan gaya klasik mahupun moden.



Perabot Klasik ECF

- Menawarkan pelbagai rekaan klasik diadaptasi daripada gaya perabot klasik England, Itali dan Perancis.
- Menampilkan rekaan kontemporari dan moden sesuai dengan cita rasa golongan muda.
- ECF boleh menyediakan koleksi perabot berdasarkan kemampuan pelanggan menyediakan kos.
- Menyediakan koleksi perabot klasik dan moden dibelavkan dari Guangzhou dan

